



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **26 Jamadilakhir 1443 / 29 Januari 2022**

- I. Pada hari ini, Sabtu 26 Jamadilakhir 1443 bersamaan dengan 29 Januari 2022, sebanyak **52 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **Jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 16,345 orang.**
  - Daripada jumlah tersebut, **47** adalah kes tempatan manakala **5** adalah kes import.
  - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **1,629 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **3.2%**.
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **satu kes dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **tidak ada kes dalam**

**Kategori 5** (memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif).

3. **35 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,877 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **366 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **8.7%**.
4. Sehingga kelmarin, 28 Januari 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
  - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.8%**;
  - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **93.9%**; manakala
  - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **39.3%**.
5. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak bagi perkhidmatan rumah-ke-rumah akan dijalankan minggu depan bagi pesakit-pesakit yang terpilih sahaja yang mengalami kesukaran bergerak atau terlantar di katil. Perkhidmatan rumah-ke-rumah ini

akan dijalankan di beberapa Mukim dari jam 9:00 pagi hingga 2:30 petang pada tarikh-tarikh berikut:

- 31 Januari 2022 di Mukim Sengkurong dan beberapa mukim di kawasan Kampung Ayer.
- 02 Februari 2022 di Mukim Kuala Belait dan beberapa mukim di kawasan Kampung Ayer.
- 03 Februari 2022 di Mukim Sengkurong.
- 05 Februari 2022 di Mukim Kilanas dan Mukim Sengkurong.

Pesakit yang memenuhi kriteria bagi perkhidmatan rumah-kerumah ini akan lebih awal dihubungi oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi saringan awal, dan mereka adalah diminta untuk memberikan nombor kad pengenalan atau pasport, serta kad (atau nombor) Bru-HIMS, jika ada.

6. Sementara itu, bersempena dengan Hari-Hari Kelepasan Awam yang akan menjelang nanti, Kementerian Kesihatan ingin mengumumkan penutupan pusat-pusat swab dan vaksinasi semasa hari-hari kelepasan awam berkenaan iaitu sempena Tahun Baru Cina, Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan Israk Mikraj. Penutupan ini akan melibatkan kesemua Pusat-Pusat Vaksinasi dan Pusat-Pusat Swab termasuk Pusat Swab Kompleks Sukan Hospital

Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SPOC), Pusat Swab Pandu Lalu di Dewan Bridex, Jerudong dan Pusat Swab Pandu Lalu Pusat Insani, Seria. Walau bagaimanapun, perkhidmatan swab pada Hari-Hari Kelepasan Awam tersebut masih boleh diperolehi di Pusat Kesihatan Berakas dari jam 2 petang sehingga 8:45 malam dan di Pusat SARI 2, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait dari jam 7.30 pagi sehingga 6 petang.

7. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 12 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 2 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **kedua-duanya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.
8. Marilah kita bersama berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala sentiasa melindungi Negara Brunei Darussalam dari segala musibah dan bencana khususnya wabak COVID-19. Aamiin Aamin Ya Rabbalalamin..

-      **TAMAT**      -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 26 Jamadilakhir 1443H / 29 Januari 2022